


16 - 31 DISEMBER, 2023

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com buletinmutiara | ChowKonYeow chowkonyeow @ChowKonYeow

# ‘Lembah Teknologi Sedusun’ optimumkan hasil pertanian negeri



KETUA Menteri mendengar penerangan berkaitan Projek Sedusun Tech Valley daripada wakil Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) sempena Majlis Seminar Pelaburan Sektor Agromakanan dan Lembah Teknologi Sedusun dekat di sini baru-baru ini.




ILUSTRASI Projek Sedusun Tech Valley.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BERTAM** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bakal membangunkan Projek Sedusun Tech Valley dekat Relau, Paya Terubong melalui peruntukan berjumlah RM50 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa inisiatif tersebut merupakan salah satu projek di bawah pembangunan ‘Lembah Silikon Pertanian’ di Pulau Pinang yang akan memfokuskan kepada industri pertanian pintar bagi meningkatkan hasil pertanian secara optimum.

"Sedusun Tech Valley sebenarnya adalah kesinambungan daripada *Relau Agricultural Station* yang dibangunkan sebelum ini, dan projek ini akan mengambil tempoh dua tahun untuk disiapkan.

"Dengan sokongan NCIA dan Kementerian Ekonomi, maka satu bajet telah diluluskan untuk melaksanakan projek ini.

"Pada tahun ini, ia dimulakan dengan peruntukan RM1 juta untuk tujuan reka bentuk dan kemudian disusuli panggilan tender pada tahun depan melalui peruntukan RM50 juta yang telah diluluskan.

"Projek ini akan dibangunkan dengan mengadaptasikan penggunaan teknologi dan bakal menjadi lokasi agroteknologi dan agropelancongan yang menarik," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Seminar Pelaburan Sektor Agromakanan Malaysia dan Perasmian Lembah Teknologi Sedusun di sini 30 Oktober lalu.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Rosli Isa; Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol; Ketua Eksekutif NCIA, Mohamad Haris Kader Sultan; Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan & Pelaburan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Khalid Ibrahim; Pengarah Pertanian Pulau Pinang, Muhaimin Ibrahim serta ramai lagi.

*(Sambungan di muka 2).*

# Astaka Tanjung Bunga

## suasana terbuka, bersih, kehijauan

**ASTAKA** Tanjung Bunga yang siap dibina semula menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri telah memulakan operasinya secara penuh mulai 8 Oktober lalu.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** dalam tinjauan pada 18 Oktober lalu mendapati bahawa kesemua 34 unit gerai telah disewa oleh peniaga.

Bagi peniaga nasi lemak, **MOHAMED ASRI MOHAMED ISMAIL** yang sudah berniaga di situ selama 20 tahun berkata bahawa perniagaan di astaka baharu mendapat sambutan yang menggalakkan.



**MOHAMED Asri Mohamed Ismail.**

“Saya mulakan perniagaan dari jam 10 pagi hingga 10 malam, kehadiran pengunjung memang baik terutamanya pada jam 12 tengah hari sampai 2:30 petang dan sambung semula 6 petang hingga 10 malam.

“Sambutan baik ini diharap dapat membantu kami untuk mencari rezeki bagi menampung kenaikan kos sewaan, tetapi syukur untuk tiga bulan pertama ini, kami yang merupakan penyewa lama dikecualikan (bayar sewa)” ujarnya kepada Buletin Mutiara.



**CHRISTINE Neoh Lai Sim.**

Peniaga bubur, **CHRISTINE NEOH LAI SIM** turut memberikan reaksi positif mengenai kehadiran pengunjung ke astaka baharu terbabit.

“Respons daripada pengunjung sangat baik, ada yang mula berkunjung seawal jam 7:30 pagi terutamanya warga emas.

“Walaupun kehadiran amat menggalakkan tetapi penting untuk kami memastikan kualiti makanan dan layanan diberikan adalah pada tahap terbaik bagi mengelakkan sebarang aduan yang boleh menjejaskan perniagaan,” jelasnya.

Dalam pada itu, wakil pihak pengurusan yang tidak ingin dikenali memberitahu bahawa sambutan diterima disifatkannya sebagai ‘tidak diduga’.

“Akibat daripada itu, kami yang menguruskan jualan air ada kalanya berdepan kelewatan sedikit.

“Selain itu, kami juga mengalami kekurangan kakitangan yang menyebabkan berlaku sedikit kelewatan dari segi penyediaan makanan tetapi pelanggan boleh faham dengan situasi ini.




**RUPA bentuk Astaka Tanjung Bunga yang siap dibina semula.**

“Dari segi maklum balas pula, ramai yang menyatakan bahawa mereka akan datang lagi, sukakan suasana terbuka, bersih di samping pokok-pokok yang ditanam untuk mengindahkan kawasan sekitar,” katanya.

Bagi pelanggan **THUM AH MOOI** menyatakan bahawa beliau sanggup datang dari Pulau Tikus setelah mengetahui Astaka Tanjung Bunga sudah mula beroperasi.

“Sangat bersih dan selesa, selalunya makan pagi di Pulau Tikus sahaja tetapi hari ini datang cuba di Tanjung Bunga (astaka),” maklumnya yang mencuba nasi itik di salah satu gerai di sini.

Pekerja warga India yang mahu dikenali sebagai **DINESH** juga sependapat dengan para peniaga lain selepas melihat sambutan pelanggan yang menggalakkan.

Menurut beliau, pada hunjung minggu, gerainya yang menjual mi goreng dan masakan panas lebih ramai dikunjungi.



**THUM Ah Mooi.**



**KEADAAN yang bersih dan seleasa.**

*(Sambungan dari muka 1).*

## Tumpu pembangunan pertanian mampan

Sebelum itu, Kon Yeow ketika berucap turut menekankan bahawa walaupun dikenali dengan nama jolokan sebagai Lembah Silikon Timur, Pulau Pinang tidak pernah sesekali menafikan sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan negeri ini.

"Pertanian mampan merupakan hala tuju Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan makanan di Pulau Pinang.

"Langkah ini juga membolehkan penggiat sektor pertanian seperti petani, penternak dan *agroprenuer* muda setempat menjana pendapatan yang kukuh dan menguntungkan," jelasnya.

Kon Yeow berkata, Pulau Pinang telah mencatatkan pertumbuhan yang tinggi dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), dan kini tiba masanya untuk Kerajaan Negeri memberi tumpuan dalam pembangunan mampan sektor pertanian.

"Ketika ini, dari segi penghasilan sektor pertanian, Pulau Pinang telah pun menerajui dalam sektor akuakultur, durian dan juga padi.

"Saya yakin, apabila kepakaran kami dalam E&E digabungkan dengan pertanian berteknologi tinggi, negeri ini pasti mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan kukuh pada masa depan.

"Oleh itu, Sedusun Tech Valley merupakan platform terbaik untuk Kerajaan Negeri menggerakkan usaha berkenaan," katanya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Sementara itu, Mohamad Haris menyatakan bahawa sektor pertanian merupakan antara fokus utama dalam perancangan NCIA dengan matlamat untuk meningkatkan daya saing, produktiviti dan adaptasi teknologi di wilayah utara.

"NCIA telah mewujudkan Zon Ekonomi AgriBio NCER AgriBio (NAEZ) dalam usaha memodenkan dan menambah nilai agromakanan negara serta mengurangkan kebergantungan kepada makanan import, khususnya di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan seterusnya menyumbang kepada agenda keterjaminan makanan.

"Usaha strategik ini selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (NAP) yang bertujuan untuk memacu kecekapan industri pertanian," ujarnya.

# Naik taraf Terminal Bas Sungai Nibong diharap lebih selesa, bersih

**TERMINAL** Bas Sungai Nibong yang siap dibina pada tahun 2007 kini sedang dinaik taraf demi keselesaan penumpang bas termasuk penyewa di lot-lot di hentian bas berkenaan.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), **NICHOLAS THENG JIE WEY** menyatakan bahawa kerja-kerja menaik taraf masih giat dijalankan walaupun mengalami sedikit kelewatan akibat beberapa masalah tertentu.



NICHOLAS Theng Jie Wey.

Menurutnya, beliau baru sahaja 'mengambil alih' pemantauan projek tersebut selepas dilantik memegang semula jawatan terbabit beberapa bulan lepas.

"Kita akui ia agak perlahan, namun saya yakin projek ini akan dapat disiapkan demi keselesaan pengguna terutamanya penumpang bas dan penyewa lot-lot kedai di terminal ini.

"Kerja-keja menaik taraf ini sebenarnya sudah diambil alih oleh sebuah syarikat yang mengendalikan pembelian tiket secara dalam talian.

"Antara kerja naik taraf yang terlibat adalah termasuk penambahan eskalator, membina ruang lantai di tingkat atas, ruang parkir dan sistem tiket elektronik.

"Selain itu, kerja menaik taraf turut melibatkan lif, kemudahan orang kurang upaya (OKU) dan tandas yang lebih selesa dan bersih," ujar beliau ketika dihubungi oleh Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, **A.**



A. Kumaresan.

**KUMARESAN** optimis bahawa kerja menaik taraf Terminal Bas Sungai Nibong akan siap tidak lama lagi.

"Saya akan buat semakan dengan pihak berwajib seperti MBPP dan syarikat terlibat untuk pastikan projek ini mencapai objektif, tambahan pula terminal ini berada dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban," ujarnya.

Sementara itu, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** turut mendapatkan respons beberapa lagi individu berhubung impak projek menaik taraf tersebut kepada mereka.

Bagi pemandu teksi, **G. DHANAJEYAM**, beliau berharap agar selepas dinaik taraf kelak, terminal bas tersebut akan menjadi tempat yang lebih bersih.

"Kalau tambah eskalator pun macam bagus juga di samping beberapa lagi kemudahan lain seperti keperluan untuk OKU, cuma saya minta aspek kebersihan sama ada daripada pihak pengurusan atau pengunjung juga perlu dijaga.

"Ini imej Pulau Pinang, kadang-kadang pelancong asing pun guna terminal ini, jadi kita harus jaga aspek kebersihan," serunya.

Penjual tiket, **SUHAIMI MOHD. NASIR** pula mahu lebih banyak ruang menunggu disediakan kepada penumpang yang menunggu bas.

"Kawasan yang ada agak sempit, kadang-kadang bila tiba hujung minggu keadaan sedikit sesak.

"Tambahan pula, saya lihat kemudahan OKU juga agak




NAIK taraf Terminal Bas Sungai Nibong bakal meliputi ruang di tingkat atas.



G. Dhanajeyam.

kurang, kasihan kepada sesetengah mereka yang adakalanya susah untuk gunakan kemudahan di sini," ujarnya.

Seorang kakitangan syarikat tempahan dalam talian yang tidak ingin dikenali pula berharap projek naik taraf itu dapat disiapkan segera.



SUASANA kaunter tiket semasa yang dibuka di bawah terminal.

"Perlu disiapkan segera, sebab kalau kita tengok jadual asal sepatutnya siap dalam tahun ini juga, mungkin ada masalah yang tidak dapat dielakkan, jadi kita bersabar dahulu.

"Harap apabila siap, terminal ini lebih selesa dengan pelbagai kemudahan serta persekitaran yang bersih, orang luar tengok pun naik imej kita sebagai sebuah negeri maju," ulasnya lanjut.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Akademi Kopa Balik Pulau gilap bakat cilik




SHEIKH Muhammad Hazwan S. A. Tajuddin (barisan belakang, tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama pasukan U8 di bawah seliaannya.

SALAH satu bukti sokongan padu Kerajaan Negeri terhadap pembangunan sukan di negeri ini khususnya bola sepak adalah melalui pelaksanaan program bola sepak pada peringkat akar umbi bagi mencungkil bakat-bakat.

Inisiatif tersebut sekali gus membantu menyerlahkan lagi bakat anak-anak muda sehingga melayakkan mereka ke peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Karnival Bola Sepak Akar Umbi ❤PENANG 2023 yang diadakan dekat Padang Polo pada 30 September 2023 dan disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Julung kali mengambil bahagian, pasukan Akademi Kopa Balik Pulau berjaya mendapat johan dan pengiktirafan tersebut secara tidak langsung menyuntik kenangan manis kepada jurulatih pasukan bawah lapan tahun (U8), **SHEIKH MUHAMMAD HAZWAN S.A. TAJUDDIN** dan kaptennya, **MUHAMMAD HARRAZ AZMI**.

Justeru, baru-baru ini wartawan Buletin Mutiara **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** berkesempatan menemu bual kedua-dua mereka.

Menurut Sheikh Muhammad Hazwan atau lebih mesra disapa sebagai Hazwan, Akademi Kopa Balik Pulau baru setahun jagung ditubuhkan.

"Akademi ini bertapak di Universiti Sains Malaysia (USM) meliputi beberapa cawangan seperti di Balik Pulau, Kubang Kerian, Kelantan dan juga Kuala Lumpur.

"Bagi cawangan Balik Pulau, baru setahun lebih ditubuhkan dan pasukan kami masih lagi dalam proses pembelajaran, tidak sangka mampu memperoleh pencapaian sebegini," ujarnya semasa sesi wawancara yang diadakan dekat Padang Kongsi pada 4 Oktober lalu.

Dalam pada itu, Hazwan turut berkongsi bahawa pasukannya juga aktif menyertai kejohanan yang diadakan di serata negeri.

"Walaupun baru setahun jagung, dengan menyertai apa jua kejohanan, para pemain boleh mencabar diri serta memperbaiki apa yang terkurang.

"Selaku jurulatih, saya dapat melihat prestasi anak buah apabila bermain di padang kerana tidak mudah untuk melatih kanak-kanak berusia lapan tahun menjadi seorang pemain bola.

"Pada peringkat awal mereka (pemain) sudah tentu tiada kemahiran, hanya tahu bermain mengikut aturan sendiri, oleh itu saya dan beberapa jurulatih yang lain bergabung tenaga menggilap pasukan ini dari *'zero to hero'*," jelasnya lanjut.

Bercakap mengenai kemenangan pada Karnival Bola Sepak Akar Umbi ❤PENANG 2023 baru-baru ini, Hazwan turut menzahirkan rasa bangganya selaku jurulatih.

"Pasukan ini terbahagi kepada dua pecahan umur iaitu U8 dan juga bawah 10 tahun (U10), bagi yang sudah ada kemahiran dan tahu bermain, jurulatih akan asingkan ke pasukan elit.

"Kebiasaannya, pasukan elit akan berlawan semasa kejohanan manakala pasukan biasa sebagai pemain simpanan dan bersedia jika berlaku sebarang kecederaan atau kecemasan.

"Menentang 72 pasukan lain yang lebih handal dan 'lama' merupakan cabaran besar bagi pasukan kami, akan tetapi dek semangat pemain U8 yang teguh bersaing berjaya mendapat johan bagi kategori berkaitan, tidak terungkap rasa bangga terhadap mereka," ulasnya.

Ditanya pula mengenai cabaran sebagai jurulatih, Hazwan turut menekankan bahawa kunci sebenar kejayaan sesebuah pasukan memerlukan nilai kesabaran yang tinggi.

"Menjadi jurulatih hanya komitmen sambilan, cabaran sebenar adalah untuk membahagikan masa dan tenaga dalam menjalankan latihan kerana saya terikat dengan kerja hakiki mengikut waktu pejabat.

"Akan tetapi, saya serta barisan jurulatih tidak menjadikan ia sebagai satu alasan untuk berhenti berusaha dan putus asa, pengorbanan dari segi masa, tenaga dan juga wang ringgit berbaloi apabila memperoleh kejayaan ini," katanya sambil menyatakan setiap titik peluh jurulatih dan pemain adalah amat bermakna.

Selain itu, Hazwan turut menyatakan cabaran besar digalas oleh jurulatih dalam mendisiplinkan para pemain yang masih dalam kategori kanak-kanak.

"Pemain pasukan terdiri daripada kanak-kanak berusia 10 tahun ke bawah, jadi dalam memberi arahan serta mendisiplinkan mereka adalah agak sukar, ditambah pula lebih terbiasa dengan cara 'kampung' yang berlainan daripada kanak-kanak di bandar.

"Saya sememangnya tegas dalam melatih sehingga membuatkan mereka mengikut setiap arahan.

"Mereka begitu komited menjalani latihan pada hujung minggu bermula seawal 8 sehingga 10 pagi, latihan tambahan akan diadakan pada hari biasa setiap petang di Padang Kongsi.

"Di samping itu, sokongan padu daripada ibu bapa turut memainkan peranan penting dalam memupuk minat anak-anak, bukan sahaja datang dan tunggu melihat anak mereka berlatih, malah juga membawa makanan untuk semua pemain," tambahnya.

Sementara itu, bagi Muhammad Harraz, beliau turut menyimpan hasrat agar Akademi Kopa Balik Pulau dapat mengembangkan lagi sayap ke peringkat yang lebih tinggi.

"Saya berharap akademi ini mampu melahirkan lebih ramai pemain yang berkualiti serta mencapai kejohanan di peringkat kebangsaan.

"Pasukan (U8 dan U10) juga tidak akan henti memperbaiki kualiti bermain serta menambah baik prestasi dan juga kemahiran dari semasa ke semasa," ujarnya yang bersedia menghadapi kejohanan pada masa akan datang.

Menutup sesi wawancara, bagi Hazwan, sudah tentu tinggi harapan untuk melihat pasukan bimbingannya memperoleh lebih banyak kejayaan pada masa akan datang.

"Jika diberi peluang, akademi ini mungkin akan menambah kategori umur melibatkan bawah 18 tahun (U18), diharapkan juga Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Belia, Sukan dan Kesihatan dapat menyokong daripada segi bantuan kelengkapan dan sebagainya.

"Besar juga harapan saya agar pasukan dari Akademi Kopa Balik Pulau berjaya mewakili negeri dalam kejohanan serta mampu menyinar dan mengharumkan nama Pulau Pinang dan Malaysia kelak," ujarnya.



AKSI sebahagian ahli pasukan.

# Warisan budaya tidak ketara

## tradisi tumbuk beras wajar diiktiraf

**MENUMBUK** emping padi atau mengemping mungkin kedengaran agak janggal dalam kalangan generasi hari ini apatah lagi apabila tradisi ini kian dilupakan ditelan zaman.

Kebiasaannya, aktiviti mengemping ini dijalankan secara gotong-royong oleh golongan wanita dengan menggunakan lesung kayu besar dan dialas dengan batang pisang atau pelepah kepala. Ada juga di beberapa negeri lain yang menggunakan jenis lesung berbeza namun tujuannya sama untuk memproses beras menjadi tepung.

Baru-baru ini, komuniti penduduk India Muslim di Jalan Kedah, George Town menghidupkan kembali tradisi lama ini dengan menganjurkan pertandingan pada bulan Oktober lalu.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** berkesempatan menemu bual individu yang mencetuskan idea penganjuran pertandingan menumbuk beras baru-baru ini.

**ZAINUL ALAM MD. MYDIN** berkata, tradisi menumbuk beras berkaitan merupakan aktiviti tradisional yang bukan sahaja popular dalam kalangan



KETUA Menteri yang turut mencuba menumbuk beras.

masyarakat Melayu tetapi juga komuniti India Muslim di Pulau Pinang.

"Sama seperti kaum Cina, banyak pecahan ada Tionghua, Hakka dan sebagainya, begitu juga kaum India, jadi kami India Muslim atau bahasa mudahnya 'Mamak' juga terbahagi kepada beberapa suku lagi.

"Menumbuk beras ini lebih dekat dengan suku Kadayanallur dan Tenkasi yang dibawa oleh nenek moyang daripada India dipercayai sejak tahun 1834 iaitu ketika berhijrah ke Tanah Melayu (ketika itu)," ujar Setiausaha Kehormat Central Muslim Society (CMS) Pulau Pinang itu membuka bicara.

Menurut beliau, sama seperti kaum Melayu, aktiviti ini asalnya dilakukan oleh golongan wanita bukannya lelaki.

"Pada era tersebut, lelaki melakukan kerja-kerja lain seperti kerja buruh menghantar barang, ada beberapa orang berniaga ikan dan menjual rempah di pasar.

"Zaman itu juga, kalau pernah tahu, dalam satu bangunan ada 30 bilik, suami isteri akan tinggal dalam satu bilik dengan keluarga serta anak-anak.

"Jadi dari situ seorang ketua penyewa, dia akan arahkan buat kerja-kerja menumbuk beras, giling beras, giling rempah, tumbuk cili untuk masakan, masa itu belum ada mesin kisar macam sekarang.

"Boleh dikatakan golongan wanita ini sebenarnya mereka adalah usahawan terawal yang mana kerja-kerja ini juga sebagai pendapatan sampingan untuk tampung keluarga apabila mereka turun menggiling rempah dan tumbuk beras," kongsinya.

Bercerita lanjut, Zainul Alam memberitahu bahawa pada zaman dahulu, lesung yang digunakan bukanlah daripada kayu sahaja, malah ada yang menggunakan lesung batu.

"Ada juga yang jadikan lesung sebagai hantaran untuk perkahwinan," katanya yang kemudian disahut dengan gelak tawa.

Menurut Zainul Alam, banyak aktiviti tradisional yang sudah dilupakan akibat peredaran zaman.

"Lagipun proses tradisional ini memakan masa yang lama walaupun hasil masakan yang menggunakan proses lama adsalah lebih sedap," jelasnya.

Menjawab pertanyaan tentang tujuan penganjuran pertandingan menumbuk emping padi, Zainul Alam memaklumkan bahawa beliau cuba untuk menghidupkan semula tradisi lama untuk diiktiraf sebagai salah satu warisan budaya tidak ketara bagi Pulau Pinang.

"Perkara ini turut dibawa ke pengetahuan pihak Perbadanan Warisan Dunia Georgetown (GTWHI) sebelum ini.

"(Dan) mereka (GTWHI) bersetuju untuk mengambil segala langkah untuk menghidupkan kembali warisan ini yang mana ia turut melibatkan demonstrasi kepada orang lain untuk mencuba.

"Pengurus Besar GTWHI, Dr. Ang (Ming Chee) pun kata, jangan lupakan warisan yang dibawa oleh nenek moyang kita," jelasnya teruja.

Pada Oktober lalu, Zainul Alam mengulas lanjut bahawa CMS Pulau Pinang menganjurkan pertandingan menumbuk beras dengan menawarkan hadiah wang tunai kepada pemenang.

"Seramai 14 individu mengambil bahagian yang dibahagikan kepada tujuh kumpulan.

"InsyaAllah usaha ini akan diteruskan lagi pada tahun hadapan," katanya mengakhiri pertemuan di sini.



ZAINUL Alam Md. Mydin (kanan) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang yang mengambil bahagian.



GOLONGAN wanita sememangnya mempelopori acara menumbuk beras pada suatu ketika dahulu.



SALAH seorang peserta menunjukkan hasil padi yang ditumbuk sehingga menjadi tepung sebelum digunakan untuk masakan.

# Pulau Pinang tidak ketandusan bakat - Rosidi

**KARNIVAL** Bola Sepak Akar Umbi ❤PENANG 2023 yang berlangsung dengan penyertaan 72 pasukan baru-baru ini jelas menunjukkan bahawa Pulau Pinang serius membangunkan bakat-bakat muda dalam sukan berkenaan.

Baru-baru ini, Pasukan Tunas A Wanita yang muncul juara bagi kategori bawah 10 tahun sempena penganjuran karnival berkaitan juga menunjukkan bahawa kanak-kanak wanita juga mahu gah dalam persada sukan bola sepak.



ROSIDI Salleh.

Atas kejayaan tersebut, penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** sempat menemu ramah Ketua Jurulatih National Football Development Program (NFDP), **ROSIDI SALLEH** mengenai kejayaan tersebut.

Menurut Rosidi, NFDP merupakan satu projek usaha sama pelbagai pihak melibatkan Majlis Sukan Negara (MSN), Kementerian Pendidikan (KPM), Institut Sukan Negara (ISN) dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

Beliau turut menyifatkan Pasukan Tunas Wanita A berkaitan sebagai antara pasukan kanak-kanak wanita yang paling cemerlang dalam sukan berkaitan di negeri Pulau Pinang.

"Sejarah saya dalam kejurulatihan ini bermula pada tahun 2004 sampai 2006, masa itu buat akademi biasa sahaja sebelum lebih serius pada tahun 2011.

"Kebetulan masa itu FAM pula ada buat seminar serta mencari jurulatih untuk program akar umbi dan nama saya telah dicalonkan oleh Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP).

"Pada masa itu, memang dengar ura-ura MSN berhasrat mewujudkan dan perkasakan bola sepak peringkat akar umbi setelah Malaysia berjaya buat kali pertama memenangi Kejohanan Bola Sepak Asia Tenggara Piala Suzuki pada tahun tersebut," ujarnya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui pada 7 Oktober lalu.

Dalam memperkasakan bola sepak pada peringkat akar umbi, Roshidi menyatakan bahawa beberapa sekolah rendah dan menengah turut diangkat sebagai pelapis baru dalam mencari bakat-bakat baharu untuk disatukan.

Melalui program tersebut, pada tahun 2014, NFDP memusatkan sekolah-sekolah terlibat daripada peringkat negeri kepada daerah-daerah.

"Di Pulau Pinang akademi (bola sepak) ada empat iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Francis Light (Timur Laut), SK Bandar Perda, SK Pengkalan Jaya dan SK Bertam Perdana.

"Pusat latihan daerah pula adalah di Sekolah Menengah Kebangsaan Penang Free School (PFS) dan SMK Teluk Kumbar di bahagian pulau, manakala SMK Permatang Tok Jaya dan SMK Haji Abdul Kader di Seberang Perai manakala SMK Guar Perahu serta SMK Mutiara Impian sebagai pusat latihan induk.

"Jadi sekolah-sekolah tunas tadi akan menjadi pembekal pemain kepada sekolah-sekolah pusat," maklumnya ketika sesi temubual yang didakan dekat Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) di sini.

Bagi membimbing pasukan wanita, Rosidi memberitahu bahawa ia mempunyai cabaran yang tersendiri berbanding melatih pasukan lelaki.

Tambah beliau, perkara paling ketara sudah tentu berkaitan emosi dan kemahiran yang ditonjolkan oleh pelatih itu sendiri.

"Kadang-kadang mereka ini terbawa-bawa perwatakan lain, kalau merajuk kena layan dia, kena ada komunikasi dua hala baru kita akan faham apa masalah yang dia hadapi," maklumnya.

Terkini, skuad NFDP dijangka akan terbang ke Vietnam untuk menyertai Piala Yakult.

Difahamkan, Pulau Pinang layak untuk ke Vietnam setelah muncul juara Piala Yakult peringkat kebangsaan.





TEL: 604-668 1173 / 016-4417888 Email: attagroup8888@gmail.com

# Skuad muda bimbingan diharap mampu pergi jauh



PASUKAN Compa FC bawah 10 tahun.

**COMPA FC** bawah 10 tahun akhirnya berjaya menjuarai saingan peringkat Plate sempena Karnival Bola Sepak Akar Umbi ❤ PENANG yang dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP).

Kejayaan itu sekali gus menguatkan lagi iltizam kelab bola sepak berkenaan dalam memburu kedudukan terbaik dalam saingan Liga M3 peringkat kebangsaan, sebagaimana disasarkan sebelum ini.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurufoto, **DARWINA MOHD. DAUD** baru-baru ini berjaya mendapatkan maklum balas lanjut daripada **MUHAMAD FIRDAUS MUHAMAD** selaku pembimbing skuad muda tersebut yang berpusat di Teluk Kumbar.

Terpanggil untuk membimbing skuad muda tersebut, Muhamad Firdaus berkata demikian kerana dirinya menganggap sukan bola sepak adalah sebati dalam diri beliau.

"Saya mula terlibat dalam arena kejurulatihan ini sejak tahun 2021 (iaitu) selepas bersara daripada bermain bola sepak.

"Selepas bersara, saya telah mengambil lesen kejurulatihan, buat masa sekarang saya memiliki lesen pembangunan bakat muda *(Grass Root D)*, Diploma Kejurulatihan Kelas C dan Diploma Kejurulatihan Penjaga Gol.

"Lesen yang dimiliki ini membolehkan saya untuk dilantik sebagai Pembantu Jurulatih bagi pasukan bawah 19 tahun," ujarnya kepada Buletin Mutiara ketika melatih Compa FC di Padang Awam Teluk Kumbar di sini pada 11 Oktober lalu.



MUHAMAD Firdaus Muhamad.

Bercerita lanjut, Muhamad Firdaus menyatakan bahawa beliau bangga dengan pencapaian sekalian anak buahnya semasa beraksi pada kejohanan berkaitan di Padang Polo baru-baru ini.

"Semua pelatih Compa FC bawah 10 merupakan anak-anak kariah di sini sahaja, sebab ini cuma kelab setempat di Teluk Kumbar.

"Berdepan Karnival Bola Sepak Akar Umbi ❤PENANG baru-baru ini pun, kami tidak melakukan persiapan khusus sangat dan saya pun masih berpuas hati dengan persembahan pemain-pemain yang saya lihat sudah lakukan yang terbaik untuk muncul juara Plate.

"Lagi pun, melatih kanak-kanak memberikan satu cabaran yang berlainan berbanding remaja dari segi kefahaman mereka menerima arahan, masa, pelajaran dan komitmen itu sendiri (yang mana) kita perlu seimbangkan perkara-perkara berkaitan, boleh bentuk sebuah pasukan yang stabil," jelas anak jati Teluk Kumbar berkaitan.

Bercakap mengenai pencarian bakat, Muhamad Firdaus menyatakan bahawa perkara tersebut lebih terhala kepada komuniti setempat sahaja.

Menurut beliau, faktor lokasi dan kanak-kanak yang masih bersekolah menjadi kekangan untuk mencari pemain luar daripada Teluk Kumbar.

"Majoritinya datang dari Teluk Kumbar dan bersekolah di Sekolah Kebangsaan Seri Bayu sebab sekolah ini satu sesi sahaja.

"Ada juga dua, tiga pemain daripada Sekolah Kebangsaan Teluk Kumbar, kami fokus kepada group *WhatsApp* penduduk setempat untuk uar-uarkan kalau ada pencarian bakat untuk mengisi kekosongan apabila pemain sedia ada meningkat usia dan sebagainya.

"Dari situ, ibu bapa akan tahu dengan lebih lanjut dan hantar anak-anak mereka bagi sesi uji bakat sebelum diserapkan ke dalam Compa FC mengikut usia yang bersesuaian," kongsinya yang juga pernah beraksi untuk pasukan Pulau Pinang.

Menyentuh soal harapan pada masa hadapan, Muhamad Firdaus berharap skuad muda bimbingannya mampu pergi jauh kelak jika beliau sendiri berminat menaik taraf lesen kelas kejurulatihan.

Lebih penting lagi, Mohamad Firdaus memberitahu bahawa tumpuannya kini adalah untuk membawa skuad muda tersebut ke liga utama negeri Pulau Pinang pada masa hadapan atau dikenali sebagai Liga FAP.

"Kalau nak cakap pasal harapan tertinggi, sekurang-kurangnya mahu melihat Compa FC pada satu hari nanti mungkin dapat bermain di Liga M3 Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

"Ini liga kedua tertinggi pada masa ini selepas Liga Super yang disertai oleh pasukan utama Penang FC.

"Lagi bagus kalau bakat yang kita ada ini mampu menjadi sebahagian daripada skuad kebangsaan (Malaysia) pada masa akan datang dan mengharumkan nama negeri serta negara kelak," ulasnya sebagai penutup bicara sesi wawancara bersama-sama Buletin Mutiara.



SEBAHAGIAN sesi latihan yang diberikan.



AZMIRA Ali.

# Sambal Penyet MamaZola manfaat PWEMP kembang pasaran

**PROGRAM** Mentor Usahawan Wanita Pulau Pinang (PWEMP) yang dilancarkan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah memberi manfaat kepada usahawan wanita dalam mengembangkan pasaran bagi produk masing-masing.

PWEMP yang menjadi platform kepada golongan sasar itu berupaya membina rangkaian dan sistem sokongan melalui bimbingan usahawan berpengalaman sekali gus membantu meningkatkan pendapatan golongan terbabit sebanyak 30 peratus pada tahun lalu.

Pengusaha Sambal Penyet MamaZola, **AZMIRA ALI**, 45, antara usahawan wanita yang telah menerima manfaat selepas menyertai PWEM pada tahun lepas.

Sebelum menyertai PWEMP, Azmira menjelaskan bahawa beliau terlebih dahulu menjalankan perniagaan makanan sejuk beku tetapi terpaksa dihentikan kerana faktor ketahanan produk selain pasaran juga adalah terhad.

"Saya menjalankan perniagaan makanan sejuk beku seperti kuih cucur badak, karipap dan sebagainya selama lima tahun tetapi makanan sejuk beku susah hendak berkembang kerana tidak tahan lama.

"Jadi saya hentikan perniagaan makanan sejuk beku dan mulakan perniagaan Sambal Penyet MamaZola," katanya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** dekat Bertam pada 22 September lalu.

Bercerita lanjut, Azmira berkata bahawa idea untuk memulakan perniagaan sambal penyet bermula apabila salah seorang daripada empat anaknya terpaksa tinggal di asrama kerana mengikuti pengajian di Seremban, Negeri Sembilan.

"Anak saya susah hendak sesuaikan diri dengan cita rasa masakan di sana yang kerana kebanyakan makanan adalah berasaskan santan.

"Jadi saya fikir, saya perlu masakkan sesuatu yang tahan lama untuk mereka bawa di asrama sebagai penambah selera yang ada cita rasa orang *Penang*.

"Dari situ, saya mula membuat kajian mengenai teknologi retort makanan dan kebetulan pula anak-anak saya memang sangat gemarkan sambal maka terhasillah produk jualan saya yang ada hari ini," katanya yang merupakan anak jati Kepala Batas.

## Perniagaan mula berkembang

Azmira menyatakan bahawa perniagaannya mula mengalami banyak perubahan selepas beliau menyertai program PWEMP pada tahun lepas.

Menurut beliau, permintaan terhadap Sambal Penyet MamaZola juga semakin meningkat sehingga beliau mula menerima tawaran geran daripada agensi-agensi Kerajaan untuk membantu memperbanyakkan pengeluaran produk.

"PWEMP telah banyak membantu saya dari segi jualan, cara memohon bantuan dan paling penting adalah mereka memberi pendedahan mengenai strategi pemasaran.

"Melalui program ini, mentor akan turun memberikan sokongan kepada kami selaku mentee… contoh saya mahu sertai apa-apa program dan pegawai terbabit (mentor) akan membantu saya dengan memberikan tunjuk ajar.

"Selain itu, mereka juga mengadakan pelbagai program di bawah kendalian PWDC dan memberikan mentee ruang untuk kami memperkenalkan perniagaan masing-masing," jelasnya.

Sambal mamzola dipasarkan secara *online* dan *offline*. Secara *offline* produk dipasarkan di kedai runcit, vendor dan ejen manakala *online* pula melalui *Facebook* dan *TikTok*.

Setakat ini, dalam sebulan mampu hasilkan kira-kira 300 botol sahaja kerana sambal tersebut dihasilkan di rumah sahaja dan masih menggunakan kaedah manual jadi saya tidak boleh menghasilkan banyak stok.

## Keistimewaan produk

Ditanya mengenai keistimewaan Sambal Penyet MamaZola, Azmira dengan yakin menjelaskan bahawa produk jualannya adalah dihasilkan menggunakan resipi rahsia sendiri selain mengandungi ketulan isi ikan masin.

"Ramai yang memberi maklum balas bahawa mereka jarang menjumpai sambal yang mengandungi ketulan ikan sepertimana produk MamaZola.

"Selain itu, sambal MamaZola juga dihasilkan tanpa bahan pengawet dan lebih tahan lama kerana dihasilkan menggunakan teknologi retort," ujarnya.

Tambah beliau, setakat ini, hanya terdapat dua jenis Sambal Penyet MamaZola yang dihasilkan iaitu pedas dan kurang pedas.

"Sambal yang rasanya pedas dilabel dengan warna hijau manakala kurang pedas berwarna merah dan dijual dengan harga RM17 sebotol untuk pengguna sementara ejen pula diberikan harga yang lebih istimewa.

Azmira memberitahu bahawa walaupun permintaan terhadap produknya semakin meningkat tetapi setakat ini beliau hanya mampu menghasilkan kira-kira 300 kilogram (kg) sambal bagi setiap pengeluaran kerana berdepan dengan kekangan dari segi peralatan memasak serta tenaga kerja.

"Sekarang saya hanya menggunakan pengadun secara manual untuk memasak dan saya memerlukan pengadun tahan karat yang berfungsi secara automatik.

"Kaedah pengisian sambal ke dalam botol juga dilakukan secara manual menyebabkan pengeluaran menjadi terhad.

"Oleh itu, untuk meningkatkan pengeluaran produk, kami memerlukan alat pengisian makanan tahan karat (mesin pengisian) supaya kerja-kerja pembotolan sambal menjadi lebih cepat.

"Kerja-kerja mengupas bawang kira-kira 30 kilogram (kg) untuk satu keluaran turut dilakukan secara manual dan ini memakan masa yang agak lama," katanya yang turut mendapat bantuan daripada ahli keluarga.

## Perancangan masa depan

Azmira berkata, beliau sememangnya berhasrat untuk memperluaskan pasaran bagi produk Sambal Penyet MamaZola termasuk ke pasar raya besar di negara ini.

"Buat masa sekarang, saya sedang memohon untuk mendapatkan Label Maklumat Pemakanan daripada Kementerian Kesihatan untuk memasarkan produk di pasar raya besar pada masa akan datang.

"Selain itu, kami juga sedang menyiapkan segala dokumen untuk memohon sijil halal bagi pasaran luar negeri," ulasnya.

Tambah Azmira, beliau dimaklumkan bahawa Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang sedang mempertimbangkan permohonannya untuk mendapatkan sebuah *'potato peeler'* dan mesin pengisian sepertimana yang diperlukan.

"Dengan adanya mesin-mesin ini nanti, dianggarkan produk Sambat Penyet MamaZola boleh dikeluarkan kira-kira 1,000kg sebulan," katanya.




**DUA jenis sambal yang dihasilkan di bawah jenama MamaZola.**

# Pencapaian Visi Penang2030

## turut menyumbang kepada dasar Malaysia Madani

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT & DARWINA MOHD. DAUD**




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersempena penganjuran *'Penang2030 Onboarding'* di sini baru-baru ini.**

**TELUK BAHANG –** Gagasan Visi Penang2030 akan terus menjadi panduan dalam mencorak hala tuju negeri Pulau Pinang iaitu ke arah sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Malah, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa pencapaian yang dicapai menerusi visi berkaitan akan turut menyumbang kepada dasar Malaysia Madani yang diuar-uarkan pada peringkat Persekutuan.

Justeru, beliau menyatakan bahawa ahli-ahli Exco dan seluruh jentera kerajaan diseru supaya dapat memberi kerjasama serta sokongan untuk merealisasikannya termasuk memperkasakan portfolio masing-masing dan seterusnya memberi impak kepada empat tema serta 16 inisiatif strategik yang dirangka sejak tahun 2018.

"Walaupun Visi Penang2030 selalu 'didefinisikan' dengan saya, namun, hakikatnya ia adalah untuk negeri Pulau Pinang yang mana bukan hanya berperanan sebagai panduan kepada pemerintahan Kerajaan Negeri, malah, pada suku kedua penggal lalu, masyarakat dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pihak swasta juga mula memberi perhatian kepadanya (Visi Penang2030) termasuk kempen LovePENANG yang dibawa bersama.

"Kita telah sampai separuh jalan (dengan kadar pencapaian 47 peratus sehingga Jun 2023) dan kita perlu terus fokus untuk ke fasa seterusnya bagi menterjemah, mengkoordinasi dan juga memimpin bagi mencapai tahap seterusnya.

"Fokus kepada pelaksanaan yang mana pelan-pelan digubal dimasukkan sebagai intipati Visi Penang2030 yang mana setiap negeri mempunyai sumber serta kekuatan, dan daripada perincian berkaitan ia dijadikan sebuah visi mengikut kemampuan yang kita ada,'' ujarnya pada penganjuran *'Penang2030 Onboarding'* yang berlangsung selama tiga hari di sini.

Program membabitkan penyertaan barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri dan Ex-officio berkaitan diadakan bagi meneliti, menyemak dan juga mengatur susun semula 16 inisiatif yang menunjangi Visi Penang2030 mengikut portfolio masing-masing. Tetamu khas yang turut diundang ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) yang juga mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Tan Sri Zainal Rahim Seman.

Selain sesi perbincangan yang diadakan, aktiviti-aktiviti fizikal seperti menelusuri kawasan pantai Taman Negeri Teluk Bahang; pengalaman berbasikal di Jalan Nelayan untuk melihat sendiri aktiviti komuniti tempatan; lawatan ke Balai Polis Teluk Bahang; Empangan Teluk Bahang; Entopia by Penang Butterfly Farm dan kilang batik turut menjadi isi kandungan penting kepada penganjuran khas berkaitan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow tidak menafikan bahawa pada peringkat awal pelaksanaan Visi Penang2030, beliau menghadapi kekangan termasuk apabila membabitkan pertukaran pegawai-pegawai atau kakitangan awam.

"Bergerak ke depan, saya tertarik dengan pendekatan yang dicadangkan oleh (Tan Sri) Zainal (Rahim) bahawa setiap jabatan perlu mewujudkan jawatankuasa khas untuk memantau pelaksanaan Visi Penang2030.

"Malah, saya turut melihat semangat barisan Exco kini yang tampil mengambil bahagian melangkaui portfolio masing-masing untuk bersama-sama menggerakkan visi ini," ulasnya.

Pada masa sama, menurut beliau, pandemik COVID-19 turut memberi kesedaran tentang apa yang perlu dilakukan yang mana sasaran perlu diletakkan manakala menggugurkan perkara tidak diperlukan.

"Cabaran mendatang yang bakal dihadapi pastinya dentisiti pekerjaan yang mempengaruhi penghijrahan pekerjaan terutamanya dalam kalangan muda, kos sara hidup dan juga pembangunan modal insan terutamanya dalam menghadapi peningkatan masyarakat penuaan di Pulau Pinang kini.

